

**PROSEDUR PEMINJAMAN DAN ELEMEN SOSIOBUDAYA DALAM  
TERJEMAHAN RIHLAT IBN BATTUTAH**

***BORROWING AND THE SOCIOCULTURAL ELEMENTS IN THE  
TRANSLATION OF RIHLAT IBN BATTUTAH***

**Idris Mansor**

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA  
Email: idrismansor@usm.my

*Faktor sosiobudaya merupakan antara elemen penting yang kerap kali mempengaruhi proses penterjemahan. Pengaruh faktor ini seringkali dapat dilihat melalui pemilihan prosedur dan strategi tertentu yang digunakan oleh penterjemah. Kajian lepas yang dijalankan mendapati "peminjaman" merupakan antara prosedur utama yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah beberapa elemen budaya yang terpilih dalam teks Rihlat Ibn Battutah kepada bahasa Melayu. Untuk itu, melalui kaedah "pemerhatian dan penerangan" dan disokong oleh pendekatan temu bual, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh sosiobudaya yang terlibat dalam pemilihan prosedur peminjaman sebagai pendekatan utama dalam menterjemahkan elemen-elemen budaya tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa selain ketiadaan padanan satu lawan satu bagi data teks sumber yang dipilih, pengaruh faktor-faktor luaran juga terlibat dalam pemilihan peminjaman sebagai antara prosedur penting dalam terjemahan tersebut.*

Kata kunci : terjemahan, peminjaman, sosiobudaya, Rihlat Ibn Battutah, bahasa Arab

*Socio-cultural factors are the vital elements that normally affect a translation process. This factor's influence is often reflected in the selection of particular translation procedures and strategies. A previous study that has been carried out discovered that "borrowing" is one of the most dominant procedures used by the translators in the translation of certain cultural elements in Rihlat Ibn Battutah into Malay. As such, through "observation and explanation" and with the support of the interview approach, this study is carried out to identify the socio-cultural influences involved in the selection of the main borrowing procedures as the main approach in translating the cultural elements. The results of the study reveal that besides the lack of single equivalence in the target culture, some other external factors also contributed to the selection of "borrowing" as one of the most important procedures in the above translation.*

Keywords: translation, borrowing, sociocultural, Rihlat Ibn Battutah, Arabic

## PENGENALAN

Ketiadaan padanan satu lawan satu adalah satu fenomena lazim dalam proses penterjemahan interlingual (Jakobson, 2004: 139) yang melibatkan dua bahasa yang berbeza. Oleh yang demikian, penterjemah perlu mengaplikasikan prosedur penterjemahan tertentu bagi menghasilkan produk terjemahan yang berkualiti.

Kajian yang dijalankan oleh Idris (2011) dalam mengenal pasti prosedur penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks *Pengembaraan Ibn Battutah* dalam menterjemah beberapa elemen budaya yang dipilih mendapati prosedur peminjaman merupakan antara prosedur yang mendominasi prosedur-prosedur penterjemahan yang digunakan. Dapatan ini secara tidak langsung dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Menurut Cronin (1998: 157), "*translation does not exist in a vacuum*". Hal ini demikian kerana bahasa amat berkait rapat dengan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Bagi tujuan menghasilkan produk terjemahan yang dapat difahami secara semulajadi oleh pembaca sasaran, kehendak-kehendak yang wujud dalam sistem budaya dan bahasa sasaran perlu diambil perhatian oleh penterjemah. Kajian yang dijalankan oleh Zeilani dan Rokiah (2009) berkaitan prosedur terjemahan terma-terma perubahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Parsi mendapati prosedur substitusi digunakan dengan mencari padanan bagi perkataan bahasa Inggeris *acute* daripada bahasa Arab *حاد* [*hād*]. Perkataan ini kemudiannya disesuaikan dengan sistem sebutan dalam bahasa Parsi. Keputusan untuk menggunakan prosedur terjemahan ini dibuat oleh penterjemah memandangkan wujudnya perhubungan yang rapat antara bahasa Parsi dengan bahasa Arab. Di samping itu juga, kedua-dua bahasa ini berasal daripada keluarga bahasa yang sama. Kajian yang dijalankan oleh Gibová (2012) pula mendapati bahawa genre sesebuah teks yang hendak diterjemahkan memainkan peranan dalam pemilihan prosedur terjemahan. Sebagai contoh, teks daripada genre bukan sastera lebih kerap mengaplikasikan prosedur pinjam terjemah, manakala teks daripada genre sastera pula lebih cenderung menggunakan pendekatan terjemahan tidak langsung yang merangkumi transposisi, modulasi, persamaan dan adaptasi.

Kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa terdapat faktor dalaman dan luaran yang memainkan peranan dalam mempengaruhi penterjemah untuk memilih prosedur tertentu yang sepatutnya digunakan dalam kerja-kerja penterjemahan mereka. Bertitik tolak daripada fenomena ini, pemilihan prosedur peminjaman dalam menterjemah teks *Rihlat Ibn Battutah* yang berasal daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu juga sememangnya bersandarkan kepada faktor-faktor sokongan yang tertentu. Oleh yang demikian, berdasarkan kaedah "pemerhatian dan penerangan" dan disokong oleh pendekatan temu bual dengan para penterjemah, kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi penterjemah teks *Rihlat Ibn Battutah* kepada bahasa Melayu untuk memilih prosedur peminjaman dalam terjemahan mereka.

## **KONTEKS SOSIOBUDAYA DAN TERJEMAHAN**

Perbincangan berkaitan "sosiobudaya dalam terjemahan" memperlihatkan perubahan fokus yang diberikan dalam kajian berkaitan penterjemahan daripada kajian yang hanya berorientasikan teks kepada fokus kajian yang berorientasikan penterjemah sebagai manusia dan persekitaran yang terlibat (Pym, Shlesinger dan Jettmarova, 2006: 2). Kajian ini berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh penterjemah dan konteks persekitaran yang memberi kesan kepada hasil terjemahan. Menurut Munday (2006: 196):

*Translation Studies as an academic discipline or interdiscipline deals with the study of the process and product of translation as a linguistic phenomenon and as a form of intercultural mediation located in a specific sociocultural and ideological setting.*

Fokus kajian penterjemahan yang bermula dengan persoalan berkaitan linguistik telah bertukar kepada fokus yang diberikan kepada topik terjemahan budaya pada sekitar tahun 1980-an. Aliran kedua ini seterusnya diperkembangkan oleh Snell-Hornby (1990) dan Bassnett dan Lefevere (1990) dengan memperkenalkan "aliran kecenderungan budaya" [*the cultural turn*] dalam kajian penterjemahan. Melalui aliran ini, aspek budaya merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam proses penterjemahan. Hal ini bermaksud, terjemahan bukan hanya berkaitan dengan perkataan-perkataan yang terdapat dalam sesebuah teks, tetapi juga turut merangkumi unsur-unsur budaya yang berbeza antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Menurut Nord (2001: 10) "*translation is not merely and not even primarily a linguistic process*". Walau bagaimanapun, menurut Pym, Shlesinger dan Jettmarova (2006: 2), walaupun tumpuan kajian telah bertukar daripada linguistik kepada budaya, namun kajian masih lagi berorientasikan teks. Pada tahun 1992, Lefevere dalam bukunya *Translation, Rewriting, and the Manipulation of Literary Fame* telah memperkenalkan satu konsep penting dalam ilmu terjemahan yang dinamakan "*patronage*" (naungan) (Lefevere, 1992: 11–25). Melalui konsep "naungan" ini, faktor kemanusiaan mula diberi perhatian dalam kajian penterjemahan. Lefevere (1992: 13–22) menganggap proses penterjemahan sebagai sebuah sistem yang turut melibatkan profesional iaitu penterjemah yang menjalankan tugas dengan pengaruh faktor-faktor "naungan" (seperti institusi dan ideologi) dan juga "ekonomi terjemahan" yang lazimnya dikawal oleh industri penerbitan.

Aliran sosiobudaya ini seterusnya diperkembangkan oleh Gideon Toury melalui pendekatan *Descriptive Translation Studies* (DTS). Melalui DTS, Toury (1995) mementingkan konsep sosial dalam terjemahan dengan memperkenalkan konsep norma-norma terjemahan (*translation norms*). Norma terjemahan ditakrifkan oleh Toury (1995: 55) sebagai:

*The translation of general values or ideas shared by community – as to what is right and wrong, adequate and inadequate – into performance instructions appropriate for and applicable to particular situations, specifying what is prescribed and forbidden as well as what is tolerated and permitted in a certain behavioural dimension.*

Dalam menerangkan konsep norma dalam terjemahan, Toury (1995: 53) mendakwa bahawa tugas penterjemah bukan hanya terhad kepada proses memindahkan maklumat yang terkandung dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran semata-mata, tetapi penterjemah juga memainkan peranan yang amat penting dalam fungsi sosial.

Toury (1995: 56–58) mengklasifikasikan norma terjemahan kepada tiga iaitu (1) norma asas (*initial norms*), (2) norma persediaan (*preliminary norms*), dan (3) norma operasi (*operational norms*). Norma asas melibatkan kecenderungan penterjemah sama ada lebih cenderung kepada teks sumber ataupun lebih cenderung kepada budaya bahasa sasaran. Terjemahan yang lebih cenderung kepada teks sumber dinamakan "kepadaan" (*adequacy*) dan sebaliknya norma yang lebih cenderung kepada budaya teks sasaran dinamakan "kepenerimaan" (*acceptability*). Norma persediaan pula melibatkan polisi terjemahan yang diamalkan oleh sesebuah negara atau institusi serta keterlangsungan terjemahan. Adapun norma operasi pula melibatkan kesempurnaan dan isu-isu linguistik dalam teks terjemahan. Operasi kesempurnaan melibatkan proses-proses seperti penambahan, pengurangan, perubahan dan manipulasi. Menurut Hermans (1999: 76), norma terjemahan yang diperkenalkan oleh Toury mempengaruhi keseluruhan proses terjemahan termasuk keputusan yang diambil untuk menterjemahkan sesuatu teks, pemilihan teks sumber yang ingin diterjemahkan dan cara yang digunakan untuk menterjemah.

## **PROSEDUR PEMINJAMAN**

Haugen (1950: 212) mentakrifkan peminjaman sebagai "*the attempted reproduction in one language of patterns previously found in another*". Adapun menurut Thomason dan Kaufman (1988: 37):

*Borrowing is the incorporation of foreign features into a group's native language by speakers of that language: the native language is maintained but is changed by the addition of the incorporated features.*

Dengan merujuk definisi peminjaman yang diberikan oleh Thomason dan Kaufman (1988), Versteegh (2001: 472), seorang sarjana dalam bidang linguistik bahasa Arab, mentakrifkan "peminjaman" sebagai proses memperkenalkan elemen bahasa asing kepada sesuatu bahasa.

Dari sudut pandangan bidang terjemahan pula, "peminjaman" dianggap sebagai satu prosedur yang penting. Prosedur peminjaman dalam terjemahan merujuk kepada proses memindahkan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Vinay dan Darbelnet, 1995: 31). Prosedur ini juga turut dikenali sebagai "pemindahan" (transference) oleh Newmark (1988: 81–82). Prosedur ini penting dalam terjemahan kerana beberapa faktor yang antaranya ialah untuk mengatasi masalah perbezaan antara dua bahasa yang terlibat seperti ketiadaan padanan perkataan dalam bahasa sasaran yang membawa maksud yang sama dengan perkataan dalam bahasa sumber. Penterjemah seringkali menghadapi masalah untuk mencari padanan terutama bagi perkataan yang mempunyai pengaruh budaya bahasa asal yang kuat dan juga perkataan-perkataan yang berunsur teknikal. Vinay dan Darbelnet (1995: 32) memberi contoh makanan orang Mexico dan Sepanyol yang dinamakan *tequila* dan *tortillas* yang dipinjamkan ke bahasa Rusia melalui terjemahan. Dalam proses terjemahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu pula, para penterjemah *Pengembaraan Ibn Battutah* telah meminjam perkataan seperti *muhaqqiq* (editor/penyunting), *dibs* (sejenis jem yang dihasilkan daripada anggur) dan *kula* (sejenis penutup kepala di Iran).

Berbeza dengan kajian kata pinjaman dalam bidang linguistik, fokus terhadap proses peminjaman di dalam bidang terjemahan lebih tertumpu kepada kata pinjaman baru yang dilakukan oleh penterjemah sendiri berbanding dengan kata pinjaman sedia ada dalam bahasa sasaran (Vinay dan Darbelnet, 1995: 32).

Beberapa faktor sosial telah dikenal pasti oleh para pengkaji yang mendorong seorang penulis atau penterjemah mengaplikasikan prosedur peminjaman dalam hasil kerja mereka. Antaranya ialah status sesuatu bahasa. Hock (1991: 411) mengklasifikasikan bentuk bahasa kepada tiga yang dinamakan sebagai *adstratum*, *superstratum* dan *substratum*. *Adstratum* merujuk dua bahasa yang mempunyai status yang sama, justeru proses peminjaman antara bahasa-bahasa tersebut lebih melibatkan istilah dan kata harian yang digunakan. Adapun *superstratum* dan *substratum* merujuk status yang berbeza antara dua bahasa dengan *superstratum* mewakili bahasa yang mempunyai status dan prestij yang lebih tinggi manakala *substratum* adalah sebaliknya. Dalam hal ini bahasa yang bersifat *substratum* seringkali meminjam perkataan daripada bahasa yang berbentuk *superstratum* kerana perbezaan status sosial antara keduanya.

Dalam konteks peminjaman bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris pula, beberapa faktor luaran telah dikenal pasti oleh Heah (1989: 81–94). Menurut Heah, bahasa Inggeris mendapat tempat di Malaysia sebagai bahasa rasmi di samping bahasa kebangsaan negara iaitu bahasa Melayu. Dalam hal ini, walaupun bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, bahasa Inggeris tetap dipandang tinggi dan digunakan secara meluas di Malaysia. Di


samping itu, bahasa Inggeris juga dititikberatkan dalam sistem pendidikan di Malaysia bagi tujuan kemajuan negara selain tuntutan dalam bidang sains dan teknologi. Keterbukaan dan pendedahan yang meluas ini secara langsung menggalakkan proses peminjaman daripada bahasa Inggeris.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan dan diberikan tanggungjawab mencipta termasuk meminjam istilah-istilah dalam bidang sains dan teknologi untuk digunakan dalam bahasa Melayu. Seterusnya Ahli Jawatankuasa Peristilahan yang terdiri daripada pakar pelbagai bidang ditubuhkan. Ahli jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti konsep dan istilah yang sesuai digunakan oleh bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu (Quah, 1999: 607). Pada tahun 1975, satu garis panduan tatacara memindahkan perkataan daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu telah diperkenalkan dan dikenali sebagai Pedoman Umum Peristilahan Bahasa Malaysia.

### **PENGAPLIKASIAN PROSEDUR PEMINJAMAN DALAM TERJEMAHAN *RIHLAT IBN BATTUTAH***

Pada tahun 2011, sebuah kajian untuk mengenal pasti dan mengkaji prosedur dan strategi menterjemah beberapa elemen budaya dalam teks *Rihlat Ibn Battutah* kepada bahasa Melayu telah dijalankan. Dalam kajian ini, tiga elemen budaya telah dijadikan bahan kajian iaitu keagamaan, makanan/minuman, dan pakaian. Elemen-elemen budaya ini dipilih berdasarkan kategori budaya yang diperkenalkan oleh pakar antropologi Edward T. Hall (1990: 61); (sila rujuk juga perbincangan Katan, 2004: 42–43) yang dikenali sebagai Teori Bongkah Ais oleh Hall (*Hall's Iceberg Theory*). Kategori budaya ini juga turut dikenali sebagai Tetiga Budaya oleh Hall (*Hall's Triad of Culture*). Melalui teori ini, budaya dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu budaya teknikal, budaya formal, dan budaya tidak formal seperti dalam Rajah 1.

Berdasarkan Rajah 1, elemen keagamaan terdiri daripada kategori budaya formal, manakala butiran makanan/minuman, dan butiran pakaian terletak di bawah kategori budaya teknikal. Elemen keagamaan dipilih kerana elemen formal ini merupakan antara elemen terpenting dalam budaya sasaran iaitu budaya Melayu. Hal ini kerana Islam merupakan agama rasmi Malaysia yang dianuti oleh sebilangan besar penduduk negara ini. Keintiman hubungan antara budaya Melayu dengan agama Islam telah dibuktikan secara akademik. Tham (1990: 72) menegaskan bahawa "*Islamic rules and precepts were dominant in most areas of Malay life*". Oleh yang demikian, corak hidup seharian masyarakat negara ini adalah seiring dengan tuntutan agama tersebut. Di samping itu, elemen keagamaan juga merupakan elemen yang paling sensitif dalam kategori budaya formal yang menjadi fokus teks sumber dan budaya sasaran.



Rajah 1: Teori Bongkah Ais oleh Edward T. Hall.

Sumber: Diadaptasi daripada Katan (2004: 43).

Adapun budaya teknikal yang terdiri daripada butiran makanan/minuman, dan butiran pakaian dipilih sebagai mewakili elemen budaya yang konkrit dan mampu untuk dibezakan dengan jelas. Butiran makanan/minuman serta pakaian juga merupakan elemen spesifik budaya. Hal ini seringkali menyebabkan kesulitan dalam mencari padanan dalam bahasa sasaran. Situasi ini memerlukan penterjemah mengenal pasti prosedur terjemahan yang paling sesuai untuk memindahkan maksud perkataan tersebut kepada teks sasaran. Menurut Newmark (1988: 97) pula *"food is for many the most sensitive and important expression of national culture: food terms are subject to the widest variety of translation procedures"*.

Dapatan daripada kajian yang dijalankan ke atas 257 butiran keagamaan, 206 butiran makanan/minuman, dan 116 butiran pakaian mendapati 46.6% daripada data butiran keagamaan, 20.7% daripada butiran makanan/minuman dan 23.9% daripada butiran pakaian menggunakan prosedur peminjaman. Maklumat lanjut tentang dapatan kajian dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1: Perbandingan hasil analisis terjemahan item keagamaan, makanan/minuman dan pakaian

Item keagamaan		Item makanan/minuman		Item pakaian	
Peminjaman	46.6%	Eksplisitatsi	28.5%	Eksplisitatsi	29.7%
Terjemahan literal	23.0%	Terjemahan literal	26.9%	Peminjaman	23.9%
Eksplisitatsi	17.4%	Peminjaman	20.7%	Generalisasi	22.6%
Transposisi	5.9%	Generalisasi	15.7%	Terjemahan literal	19.3%
Generalisasi	2.9%	Pinjam Terjemah	5.6%	Pinjam Terjemah	2.6%
Pengguguran	2.1%	Transposisi	2.6%	Transposisi	1.9%
Modulasi	1.2%				
Pinjam terjemah	0.9%				

Contoh-contoh perkataan yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu dalam teks *Pengembaraan Ibn Battutah* berdasarkan jenis-jenis butiran yang dipilih ialah:

### 1. Butiran keagamaan

*Nasab* (نسب), *faqih* (الْفقيه), *'abid* (العابد), *mukasyafah* (المكاشفات), *maqam* (المقامات), *zawiyah* (زاوية), *rakbah* (الركبة), *muhaddith* (المحدث), *istinsyaq* (استنشق), *maqsurah* (المقصورة), *mu'azzin* (المؤذنين), *qira'ah* (قراءة), *kauthariyyah* (الكوثرية), *huffaz* (الحفاظ), *raudah* (الروضة), *al-faqih* (الْفقيه), *ilmu nasab* (علم النسب), *Jannah al-Ridwan* (جنة الرضوان), *Rukun al-'Iraqi* (الركن العراقي), *hijr* (الحجر).

### 2. Butiran makanan/minuman

*Naida* (النبيدا), *kharub* (الخروب), *dibs* (الدبس), *sailan* (السيلان), *qamaruddin* (قمر الدين), *kusyan* (الكوشال), *harisah* (الهريسة), *sa'tar* (السعتر), *hasyisy* (الحشيش), *tharid* (الثريد), *anli* (الأنلي), *duqi* (الدوقي), *qimmiz* (القمز), *burkhani* (البورخاني), *duqi* (الدوقي), *risyta* (الرجلينا), *dahn* (الدهن), *buzah* (البوزه), *kulija* (الكليجا), *julubban* (الجلبان).

### 3. Butiran pakaian

*Mutanfas* (المطنفس), *kamkha* (الكمخا), *wustaniyyat* (الوسطانيات), *tahtaniyyat* (التحتانيات), *tannurah* (تنورة), *mir'iz* (المرعز), *syirin baf* (الشيرين باف), *salahiyyah* (الصلاحية), *juzza* (الجز), *bairami* (بيرامية), *qudsi* (قدسِي), *burghali* (البرغالي), *miswah* (المسوح), *bughtaq* (البغطاق), *mir'iz* (المرعز), *malaf* (الملف), *qissi* (القسي), *nakh* (النخ).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah "pemerhatian dan penerangan" (*observation and explanation*) yang diperkenalkan oleh Pym, Shlesinger dan

Jettmarova (2006: 4–6). Menurut Pym, Shlesinger dan Jettmarova kajian dalam bidang penterjemahan lazimnya melibatkan proses pemerhatian terhadap fenomena-fenomena tertentu yang berlaku dalam penterjemahan. Seterusnya pengkaji cuba mengenal pasti faktor-faktor yang boleh menerangkan fenomena tersebut.

*Most studies in this volume start from a set of observations and then look for factors that might in some way explain those observations. The things observed mostly concern translation; the things that explain are in some way socio-cultural. The studies work on hypotheses, often implicit, that link the two. That is, the hypotheses seek to explain translation in socio-cultural terms (Pym, Shlesinger dan Jettmarova 2006: 4).*

Kaedah kajian ini adalah seiring dengan konsep kebarangkalian (*probability*) yang diperkenalkan oleh Toury (2004). Menurut Toury,

*There is no doubt a vast array of factors which have the capacity to influence the selection of particular translational behaviour or its avoidance. Although we have no real list, it is clear that this array is heterogeneous in its very nature: some of the variables are cognitive, others cross-linguistic or socio-cultural, and there are no doubt more (Toury, 2004: 15).*

Berdasarkan kaedah kajian ini, konsep kecenderungan lebih dititikberatkan berbanding faktor sebab dan kesan yang terlalu bersifat mekanikal. Untuk itu, kaedah ini lebih cenderung melihat kepada "*The more X, the more Y*" (Pym, Shlesinger dan Jettmarova 2006: 5). Sebagai contoh, lebih tinggi status budaya teks sumber, lebih banyak pendekatan berunsur asing (*foreignising*) digunakan dalam terjemahan.

Dalam konteks kajian ini, oleh kerana peminjaman merupakan faktor terpenting yang diaplikasikan oleh penterjemah, maka faktor-faktor yang berkebarangkalian mempengaruhi pemilihan prosedur tersebut dikenal pasti dan dibincangkan.

Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan kaedah temu bual. Pendekatan ini digunakan bagi tujuan menyokong pendekatan "pemerhatian dan penerangan" yang digunakan. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai dapatan daripada temu bual hanya diselitkan bersama perbincangan dapatan daripada kaedah "pemerhatian dan penerangan". Dalam mengaplikasikan kaedah sokongan ini, satu siri temu bual telah dijalankan dengan salah seorang penterjemah teks *Rihlat Ibn Battutah* iaitu Syed Nurul Akla Syed Abdullah pada 2 Ogos 2012. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan secara langsung berkaitan faktor sosiobudaya yang berkemungkinan mempengaruhi

keputusan penterjemah untuk meminjam perkataan-perkataan bahasa Arab yang terkandung dalam teks asal iaitu *Rihlat Ibn Battutah* karangan Ibn Battutah.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil daripada pendekatan "pemerhatian dan penerangan" dan temu bual yang dijalankan, kajian ini mendapati beberapa faktor terlibat dalam mempengaruhi para penterjemah memilih untuk menggunakan prosedur peminjaman bagi menterjemah perkataan-perkataan yang berunsur budaya yang dipilih. Antara faktor-faktor sosiobudaya tersebut ialah (1) status bahasa Arab di Malaysia, (2) polisi bahasa kebangsaan terhadap peminjaman perkataan asing, (3) kemasyhuran teks sumber, (4) latar belakang para penterjemah, dan (5) fungsi teks sumber dan teks sasaran.

### **Status Bahasa Arab di Malaysia**

Status yang tinggi yang diberikan oleh masyarakat Malaysia dan kerajaan kepada bahasa Arab mempengaruhi tanggapan masyarakat terhadap bahasa ini. Ketinggian status bahasa ini dalam dunia Melayu adalah disebabkan oleh faktor agama Islam yang menjadi agama rasmi negara sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Secara tidak langsung faktor ini telah menggalakkan proses peminjaman. Menurut Nor Hashimah, Anida dan Zaharani (2012: 457), faktor prestij merupakan salah satu faktor terpenting yang mendorong peminjaman daripada bahasa Arab. Tidak hanya terhad kepada kata pinjaman baru yang dilakukan oleh penterjemah, proses peminjaman kata yang bersumberkan bahasa Arab telah lama berlaku dalam bahasa Melayu. Sebagai bukti, menurut Idris (2002), terdapat 1,094 patah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang terkandung dalam Kamus Dewan (1997) bagi perkataan bahasa Melayu yang dimulai dengan abjad A–M.

Dari sudut kajian sejarah, terdapat sekumpulan sarjana yang berpendapat bahawa bahasa Arab telah dibawa ke Kepulauan Melayu bersama-sama aktiviti perdagangan secara langsung oleh para pedagang Arab sejak kurun ke-9 (Mohd. Taib Osman, 1974: 265; Khoo, 1980: 2). Adapun sekumpulan sarjana yang lain pula berpendapat bahawa bahasa Arab dibawa ke Kepulauan Melayu secara tidak langsung melalui para pedagang Parsi dan pendakwah dari India pada kurun ke-14 (Jones, 2007: xxiii; Versteegh, 2001: 498–499; Campbell, 1996: 33). Penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu yang bertarikh 1303 M menjadi bukti kukuh kedatangan Islam dan bahasa Arab ke nusantara ini. Bagi tujuan memperkukuhkan pemahaman masyarakat Melayu terhadap Islam, beberapa institusi pendidikan awal telah ditubuhkan seperti sekolah yang berasaskan pengajaran al-Quran, sistem pendidikan pondok dan sistem pendidikan madrasah (Rosnani, 1996: 19–25). Pada peringkat awal, bahasa Arab

hanya diajar bagi tujuan mempelajari cara membaca al-Quran dan juga medium pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus asas agama Islam seperti tauhid, tafsir, fekah, hadis, nahu Arab, tasawwuf dan akhlak. Namun, pada kurun ke-20, beberapa kursus bahasa Arab telah diperkenalkan seperti *inshā'* (karangan), *imlā'* (pengejaan), *muṭāla'ah* (kefahaman), *balāghah* (retorik), *nahw* (tata bahasa) dan *ṣarf* (morfologi) (Badriyah, 1984: 47).

Bahasa Arab terus diberi status yang tinggi dalam sistem pendidikan Malaysia selepas negara mencapai kemerdekaan. Sehingga kini, bahasa Arab diajar pada semua peringkat pendidikan bermula daripada sekolah rendah hinggalah ke peringkat tertinggi di universiti. Beberapa universiti dalam negara seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadikan bidang bahasa Arab sebagai salah satu pengkhususan pengajian yang ditawarkan.

Status yang tinggi yang diberikan kepada bahasa Arab tidak hanya terhad kepada sektor pendidikan semata-mata, bahkan istilah bahasa Arab juga digunakan secara meluas dalam sektor kewangan. Antara istilah kewangan yang dipinjamkan oleh bahasa Melayu ialah seperti *syariah* (شريعة), *amanah* (أمانة), *riba* (رباء), *zakat* (زكاة), *takaful* (تكافل), *wakaf* (وقف) (*waqf*), *muamalat* (معاملة), *mudharabah* (مضاربة), *wadiah* (وديعة) *murabahah* (مرايحة), *rahnu* (رهن), *bai' bithaman 'ajil* (بيع بئم أجل) *bai' inah* (بيع الإنة), *bai' dayn* (بيع الدين), *bai' salam* (بيع السلام), *gharar* (غرار), *hibah* (هبة), *kafalah* (كفالة) dan *qardhul hasan* (قرض الحسن).

Faktor sosiobudaya ini merupakan antara faktor yang penting yang secara tidak langsung mendorong penterjemah mengambil keputusan untuk mengaplikasikan prosedur peminjaman dalam terjemahan *Rihlat Ibn Battutah* kepada bahasa Melayu. Hasil analisis yang dijalankan terhadap tiga elemen budaya yang terkandung dalam teks *Rihlat Ibn Battutah* iaitu (1) butiran agama, (2) butiran makanan dan minuman, dan (3) butiran pakaian, mendapati bahawa prosedur peminjaman merupakan prosedur yang paling kerap digunakan dalam menterjemah butiran agama iaitu sebanyak 47.4% berbanding dengan prosedur-prosedur terjemahan yang lain. Dapatan ini membuktikan hubungan yang kuat antara status bahasa Arab di Malaysia dengan faktor pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi negara.

Namun begitu, walaupun Islam telah lama bertapak di Malaysia dan diangkat menjadi agama rasmi negara kerana majoriti penduduknya beragama Islam, masih terdapat banyak perkataan yang berkonotasi keislaman dalam teks *Rihlat Ibn Battutah* yang masih belum mempunyai padanan dalam bahasa Melayu. Perkataan-perkataan tersebut ialah seperti perkataan الكوثرية [*al-kawthariyyah*] yang dipinjamkan sebagai "kauthariyyah" iaitu satu bentuk bacaan al-Quran yang bacaannya dimulai dengan surah al-Kauthar hinggalah akhir al-Quran, باب السلام [*Bab al-Salam*] dipinjamkan sebagai Bab al-Salam iaitu kata nama khas yang merujuk salah satu pintu yang terdapat di Masjid Nabawi. Selain itu, terdapat juga perkataan yang mempunyai padanannya dalam bahasa Melayu,

namun, mungkin disebabkan oleh faktor sosiobudaya yang terpamer di sebalik status bahasa Arab di Malaysia, penterjemah mengambil keputusan untuk meminjam dan tidak menggunakan padanan sedia ada dalam bahasa Melayu. Perkataan-perkataan tersebut ialah seperti perkataan المحدث (*al-muḥaddith*) yang dipinjam sebagai "muḥaddith" dan perkataan قراءة (*qirāah*) yang dipinjamkan sebagai "qira'ah". Kedua-dua perkataan ini mempunyai padanan sedia ada dalam bahasa Melayu iaitu "ahli hadis" dan "bacaan".

### **Polisi Bahasa Kebangsaan Terhadap Peminjaman Kata Asing**

Proses peminjaman perkataan bahasa asing merupakan satu bentuk yang penting dalam perkembangan bahasa Melayu. Terdapat banyak perkataan yang dipinjam daripada bahasa lain seperti bahasa Sanskrit, bahasa Arab, bahasa Parsi, bahasa Belanda, bahasa Hindi, bahasa Jawa, bahasa Siam, bahasa Tamil, bahasa Portugis, bahasa Cina, bahasa Jepun dan bahasa Inggeris (Jones, 2007: xxii–xxxiii). Antara bahasa-bahasa ini, bahasa Sanskrit, Arab dan Inggeris merupakan sumber utama kata pinjaman bahasa Melayu. Menurut Hendershot (1943: 21–22) bahasa Arab merupakan "*the greatest contributor to, and enricher of, the Malay language*". Hal ini antara lain adalah kerana kebanyakan konsep-konsep yang berkaitan dengan agama Islam pada asalnya merupakan istilah bahasa Arab.

Selepas negara berjaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia dan medium pendidikan nasional (secara rasminya, sepuluh tahun selepas kemerdekaan) telah mengalami beberapa siri perubahan. Banyak perkataan-perkataan asing khususnya bahasa Inggeris telah dipinjam oleh bahasa Melayu terutama dalam bidang sains dan teknologi. Bagi tujuan ini juga, Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi amanah memikul tanggungjawab mencipta (juga meminjam) perkataan-perkataan berunsur sains dan teknikal untuk kegunaan dalam bahasa Melayu.

Menurut Asmah (1984: 21), terdapat dua situasi yang mempengaruhi proses peminjaman dalam bahasa Melayu. Situasi pertama ialah apabila tiada padanan dalam bahasa Melayu yang boleh memberi maksud yang sama dengan istilah yang terdapat dalam bahasa asing. Situasi kedua pula ialah apabila padanan yang terdapat dalam bahasa Melayu untuk sesuatu kata akar tidak sesuai dan tidak kondusif untuk kata-kata terbitan. Sebagai contoh, padanan bagi "*stomach*" dalam bahasa Melayu ialah "perut". Dalam istilah perubatan pula, istilah "*gaster*" digunakan bagi "perut". Namun padanan bagi kata terbitan daripada perkataan "*gaster*" seperti "*gasterectomy*", "*gastric*" and "*gastrocentrous*" adalah tidak kondusif untuk diambil daripada kata akar "perut". Oleh yang demikian, perkataan "perut" dikekalkan untuk kegunaan umum, manakala perkataan "*gaster*" dan kata-kata terbitannya dipinjamkan untuk kegunaan dalam bidang perubatan dan saintifik. Hal ini juga berlaku dalam proses penterjemahan perkataan زاوية (*zāwiyah*) dalam teks *Rihlat Ibn Battutah*. Perkataan زاوية (*zāwiyah*) mempunyai padanan dalam bahasa Melayu iaitu

"sudut". Namun, penterjemah mengambil keputusan untuk meminjam perkataan زاوية (*zāwiyah*) kepada bahasa Melayu menjadi *zawiyah* kerana istilah ini mempunyai makna khusus yang berkaitan dengan golongan sufi iaitu tempat pertemuan atau tempat tinggal yang menjadi kebiasaan bagi golongan sufi dan fakir miskin (Ibn Battutah, 2003: 867).

Walaupun dalam perkembangan terkini proses peminjaman kata asing memperlihatkan dominasi bahasa Inggeris, namun proses peminjaman daripada bahasa Arab masih diperlukan dan berlaku. Seiring dengan perkembangan dan perhatian yang besar yang diberikan kepada institusi yang berkaitan dengan agama Islam seperti perbankan, ruang yang luas terbuka kepada proses peminjaman daripada bahasa ini. Istilah-istilah yang digunakan dalam ekonomi dan kewangan Islam sukar untuk dicari padanan sedia ada dalam bahasa Melayu. Justeru, peminjaman digunakan. Di samping itu, Malaysia juga merupakan destinasi pelancongan yang penting bagi pelancong-pelancong Arab. Kedatangan para pelancong ini secara tidak langsung mempromosikan bahasa Arab kepada masyarakat Malaysia.

Faktor sosiobudaya yang berkaitan dengan polisi bahasa ini juga dilihat memberi ruang yang luas kepada penterjemah untuk meminjam perkataan-perkataan bahasa Arab dalam *Rihlat Ibn Battutah* yang tiada padanan sedia ada kepada bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan data yang menggunakan prosedur peminjaman melibatkan peminjaman baru terutama yang berkaitan dengan butiran makanan dan minuman serta butiran pakaian. Dapatan analisis menunjukkan bahawa butiran-butiran ini sama sekali tidak terdapat dalam budaya bahasa Melayu seperti القَمْز (*al-qimmiz*) iaitu sejenis minuman yang memabukkan (Ibn Battutah, 2002: 139) yang dipinjam sebagai "qimmiz" dan هَزْرَمِيخِي (*hazarmīkhī*) iaitu sejenis jubah yang berwarna putih dan bersulam (Ibn Battutah, 2003: 233) yang dipinjamkan ke dalam teks terjemahan sebagai "hazarmikhi".

Selain peminjaman langsung, polisi bahasa kebangsaan juga tidak mempunyai peraturan khusus yang menghalang sebarang bentuk peminjaman yang dipinjamkan dengan proses asimilasi iaitu proses meminjam sesuatu perkataan bahasa asing dan membuat perubahan terhadap perkataan tersebut bagi tujuan disesuaikan dengan sistem bahasa dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu (Idris, 2012: 12). Sebagai contoh, semua artikel *al* dihapuskan seperti perkataan الدبِس (*al-dibs*) iaitu sejenis jem yang diperbuat daripada anggur hanya dipinjamkan sebagai "dibs", penggantian konsonen bahasa Arab yang tiada padanan dalam bahasa Melayu dengan konsonen bahasa Melayu yang lain yang paling hampir sebutannya seperti /ص/ (*s*) yang digantikan dengan /س/ (*s*) dalam perkataan المقرَصَة (*al-muqarrasah*) yang merujuk sejenis kuih Arab yang dipinjamkan sebagai "muqarrasah", konsonen /ط/ (*t*) yang digantikan dengan /ت/ (*t*) dalam perkataan الأطْوَان (*al-aṭwan*) yang bermaksud sejenis makanan orang Maldives yang terdiri daripada gabungan madu kelapa, daun sireh, buah pinang

dan ikan, yang dipinjamkan sebagai "atwan" dengan penggantian huruf asal /ط/ (t) dengan /ت/ (ت).

### **Kemasyhuran Teks Sumber**

Teks sumber yang terkenal juga mempunyai kebarangkalian yang tinggi yang mendorong penterjemah mengaplikasikan prosedur peminjaman dalam terjemahan. Dalam fokus makalah ini, teks sumber iaitu *Rihlat Ibn Baṭṭūṭah al-Musammāh Tuḥfah al-Nuẓẓār fī Gharā'ib al-Amṣār* ialah sebuah buku sastera pengembaraan bahasa Arab yang ulung. Buku ini sememangnya dikenali di seluruh dunia. Buku ini berkisar tentang kisah pengalaman peribadi yang dikumpul oleh seorang pengembara dan penulis yang bernama Abu Abdillah Muhammad ibn Abdillah ibn Muhammad ibn Ibrahim, yang lebih dikenali sebagai Ibn Battutah.

Pada tanggal 725 H/1325 M, Ibn Battutah memulakan pengembaraan beliau dari Tangiers, Maghribi. Ibn Battutah yang pada mulanya mengembara dengan tujuan untuk menunaikan fardu haji di Mekah telah mengembara ke sebahagian besar negara yang diperintah oleh pemerintah Islam pada kurun ke-14 seperti bahagian utara dan barat Afrika, Semenanjung Tanah Arab, Iran, India, Turki, Asia Tengah, China, Sepanyol dan bahagian timur Eropah (Ibrahimovich, 1999: 2). Pengembaraan ini memakan masa selama 29 tahun. Sekembalinya daripada pengembaraan pada tahun 1355 M, Ibn Battutah telah menceritakan pengalaman pengembaraannya kepada Raja Maghribi pada masa itu iaitu Sultan Abu Inan (meninggal pada tahun 759 H/1359 M). Sultan Abu Inan berasa kagum dengan cerita tersebut lantas mengarahkan pembantu baginda iaitu Ibn Juzayy al-Kalbi mencatatkan pengalaman Ibn Battutah tersebut dalam bentuk teks bertulis. Walaupun tidak diketahui secara tepat tarikh teks ini mula ditulis, teks ini selesai ditulis pada 3 Zulhijjah 756 H (Ibn Battutah, 2002: 707).

Buku ini telah mendapat perhatian yang besar daripada pengkaji-pengkaji di Timur dan Barat kerana dianggap sebagai sebuah dokumen penting yang kaya dengan sejarah politik dan budaya. Di samping menjadi bahan kajian dalam bahasa Arab seperti *al-Muntaqa min Rihlat Ibn Battutah al-tanji al-Andalusi* (Beberapa petikan daripada pengembaraan Ibn Battutah al-Tanji al-Andalusi) oleh Muhammad Ibn Fathallah Ibn Muhammad al-Bayluni pada akhir kurun ke-7 (Ibrahimovich, 1999: 41), *Rihlat Ibn Battutah* juga telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa seperti bahasa Jerman, bahasa Perancis, bahasa Inggeris, bahasa Sepanyol, bahasa Itali, bahasa Rusia, bahasa Polish, bahasa Hungari, bahasa Parsi dan bahasa Jepun (Dunn, 1986: 4).

Menurut Syed Nurul Akla Syed Abdallah (temu bual, 8 November 2009), beliau mendapat inspirasi yang tinggi untuk menterjemah teks *Rihlat Ibn Battutah* kerana teks ini mempunyai reputasi yang tinggi dan peranannya yang besar dan penting dalam ketamadunan Islam.

Memandangkan teks ini merupakan teks sastera pengembaraan hasil pengalaman Ibn Battutah yang telah mengembara ke ratusan kota di beberapa buah negara, terdapat banyak perkataan yang berkemungkinan besar bukan berasal daripada bahasa Arab, tetapi telah dipinjam dan diarabisasikan oleh Ibn Battutah dalam teks *Rihlat Ibn Battutah*. Dalam situasi ini, pasti agak sukar kepada penterjemah untuk mengenal pasti perkataan asal yang digunakan dalam bahasa asal. Oleh yang demikian, penterjemah mengambil keputusan meminjam perkataan tersebut sepertimana yang direkodkan dalam teks *Rihlat Ibn Battutah*. Contoh perkataan-perkataan pinjaman tersebut ialah seperti *libad* (اللبد) (*al-libad*) yang merupakan sejenis baju bulu yang dipakai oleh golongan miskin di Iran, *hazarmikhi* (هزرميخي) (*hazarmikhī*) yang merupakan sehelai jubah berwarna putih yang bersulam yang dipakai oleh penduduk tempatan di Asfahan, *nakh* (النخ) (*al-nakh*) yang merupakan sejenis baju sutera yang disulam dengan benang emas yang dipakai oleh penduduk Birki, sebuah kota di Asia Kecil, *anli* (الأنلي) (*al-anlī*) yang merupakan sejenis bijirin yang menyerupai gandum yang digunakan dalam masakan oleh penduduk di Asia Kecil, *munj* (المنج) (*al-munj*) iaitu sejenis bijirin di India dan *Kusai* (كُساي) (*Kusāy*) yang merupakan nama Allah dalam salah satu bahasa di India.

### Latar Belakang Penterjemah

*Rihlat Ibn Baṭṭūṭah al-Musammāh Tuḥfah al-Nuẓẓār fī Gharā'ib al-Amṣār* telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu pada tahun 2003 oleh dua orang penterjemah iaitu Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd Dom. Produk terjemahan mereka diberi nama *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*. Menyoroti latar belakang kedua-dua penterjemah ini, didapati kedua-duanya mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab yang memungkinkan mereka memiliki kemahiran berbahasa Arab yang tinggi. Kedua-dua penterjemah ini mendapat pendidikan tinggi dalam bidang bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan kini Syed Nurul Akla merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Bahasa Asing (pengkhususan bahasa Arab) di Universiti Putra Malaysia. Adapun Adi Setia Mohd Dom pula merupakan Pensyarah Kanan dalam bidang Sejarah dan Sains Falsafah di Bahagian Pengajian Umum Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Oleh kerana mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bahasa tersebut, mereka secara semulajadinya terbiasa dengan perkataan-perkataan bahasa Arab dan lebih cenderung untuk meminjam perkataan bahasa tersebut dalam percakapan dan tulisan mereka. Menurut Versteegh (2001: 476):

*In some of the communities involved there is an elite who borrow new words for specific (religious or scholarly) domains and, because they know the foreign language well, they tend to take these over as accurately as possible. Alternatively, they may re-*

*borrow existing loanwords so as to render them more similar to the original.*

Disebabkan faktor ini juga, selain meminjam secara terus perkataan-perkataan bahasa Arab kepada teks sasaran, Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd Dom juga turut melakukan proses peminjaman semula beberapa perkataan pinjaman yang telah dikategorikan mantap dalam bahasa Melayu. Antara perkataan tersebut ialah seperti perkataan hadis dan makam yang berasal daripada perkataan الحديث (*al-hadīth*) dan المقام (*al-maqām*) dipinjamkan semula sebagai "hadith" dan "maqam" dengan mengembalikan fungsi /ث/ (/th/) dan /ق/ (/q/), perkataan soleh dan terawih yang dipinjamkan daripada perkataan الصالح (*al-ṣālih*) dan التراويح (*al-tarāwīh*) dipinjamkan semula sebagai "salih" dan "tarawih" iaitu dengan menggantikan vokal /o/ dan /e/ yang tiada padanan dalam sistem transliterasi bahasa Arab-bahasa Melayu kepada /a/ dan /i/. Begitu juga dengan kata pinjaman "Baitullaham" yang dipinjamkan daripada perkataan بيت اللحم (*bayt al-laḥm*), perkataan ini dipinjamkan semula sebagai "Bait Lahm" dengan mengembalikan binaan perkataan tersebut yang pada asalnya terdiri daripada dua perkataan. Adapun kata pinjaman "Masjidil Haram" dan "amirul mukminin" yang berasal daripada perkataan مسجد الحرام (*Masjid al-Ḥaram*) dan أمير المؤمنين (*amīr al-mu'minīn*) dipinjamkan semula sebagai "Masjid al-Haram" dan "amir al-mu'minin" dengan mengembalikan *al* yang sepatutnya terikat pada perkataan kedua (*al-*) dan bukannya pada perkataan pertama (*-il/-ul*). Seperti kenyataan yang dikeluarkan oleh Versteegh (2001: 476), tujuannya ialah untuk lebih dekat serta lebih mirip dengan perkataan asal dalam bahasa Arab.

Hal ini juga berkait rapat dengan isu prestij. Seiring dengan hipotesis yang dikemukakan oleh Pym, Shlesinger dan Jettmarova (2006: 5); seperti yang disebutkan sebelum ini, "The more X, the more Y". Maka, semakin tinggi pengetahuan seseorang tentang sesuatu bahasa asing, semakin tinggi tahap kecenderungan beliau untuk meminjam perkataan daripada bahasa tersebut. Dalam terjemahan teks *Rihlat Ibn Battutah* kepada Bahasa Melayu, faktor sosiobudaya yang berkaitan dengan latar belakang penterjemah memainkan peranan yang penting kerana tahap pengetahuan yang tinggi serta kemahiran berbahasa Arab yang dimiliki oleh penterjemah telah mendorong mereka untuk lebih cenderung memilih prosedur peminjaman dalam terjemahan mereka.

### **Fungsi Teks Sumber dan Teks Sasaran**

Teks sumber iaitu *Rihlat Ibn Battutah* merupakan sebuah karya klasik yang padat dengan nilai-nilai tradisional dan sejarah bagi beberapa negara yang dilawati oleh Ibn Battutah. Bagi tujuan mengekalkan nilai klasik tersebut, prosedur peminjaman perkataan-perkataan berunsur budaya dianggap sebagai tepat (Syed Nurul Akla Syed Abdullah, temubual, 2 Ogos 2012). Hal ini kerana, peminjaman bukan sahaja berperanan untuk menyelesaikan masalah ketiadaan padanan satu

lawan satu dalam bahasa sasaran, tetapi juga berperanan dalam mengekalkan karektor dan nilai asal yang wujud dalam bahasa sumber (Vinay dan Darbelnet, 1995: 32). Sebagai contoh, dalam menterjemahkan perkataan كعبة المشرفة (*al-ka<sup>c</sup>bah al-musharrafah*), perkataan "al-musharrafah" tidak diterjemahkan menjadi "yang mulia" bahkan dipindahkan (dengan transliterasi) ke dalam teks sasaran bagi tujuan mengekalkan nilai estetik dan klasik perkataan tersebut. Di samping itu, selain berusaha untuk memastikan ketepatan terjemahan, unsur elegan juga diberi perhatian oleh penterjemah dan editor (Syed Nurul Akla Syed Abdullah, temubual, 2 Ogos 2012).

Dari sudut nilai sejarah, peminjaman perkataan-perkataan teks sumber kepada teks sasaran dapat mengekalkan nilai kesejarahan tersebut. Teks ini dianggap sebagai sebuah dokumen penting yang merekodkan sejarah dan budaya masa lampau. Antara sebab teks ini direkodkan secara bertulis juga bertitik tolak daripada kecenderungan Sultan Abu Inan (orang pertama yang memberi inisiatif untuk teks ini direkodkan secara bertulis seperti yang disebutkan sebelum ini) untuk mengekalkan nilai-nilai sejarah, budaya dan politik yang terkandung dalam pengalaman pengembaraan Ibn Battutah. Perkataan-perkataan pinjaman yang berkaitan dengan makanan, minuman serta pakaian secara jelasnya menyimpan nilai-nilai sejarah dan budaya penduduk di kota-kota yang dilawati oleh Ibn Battutah. Sebagai contoh, Ibn Battutah merekodkan dalam teks *Rihlat Ibn Battutah* bahawa penduduk di India menghasilkan bubur daripada beberapa jenis bijirin seperti *kuzru*, *qal*, *anli* dan *syamakh*. Bijirin ini dimasak bersama susu kerbau. Selain itu, terdapat juga bijirin lain yang digemari oleh masyarakat India pada zaman tersebut iaitu *masy*, *julubban*, *munj* dan *kisyri*. Perkataan-perkataan ini dipinjam oleh penterjemah ke dalam teks sasaran iaitu Pengembaraan Ibn Battutah. Sekiranya perkataan-perkataan ini digeneralisasikan sebagai "bijirin" sahaja, maka nilai-nilai sejarah dan budaya sudah pasti tidak dapat dikekalkan bahkan menyebabkan kehilangan makna yang sepatutnya disampaikan oleh teks sumber.

Fungsi teks sasaran pula ialah untuk memaparkan kepada pembaca bahasa Melayu tentang keagungan sejarah ketamadunan Islam yang terdapat dalam teks *Rihlat Ibn Battutah*. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, peminjaman perkataan-perkataan elemen budaya adalah bersesuaian bagi memastikan pembaca mendapat gambaran sebenar tentang sesuatu maklumat seperti yang terkandung dalam teks sumber. Namun begitu, para pembaca mungkin menghadapi kesukaran untuk memahami maksud kata-kata pinjaman tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, penterjemah teks *Rihlat Ibn Battutah* kerap menggabungkan prosedur peminjaman dengan prosedur eksplisitasi (Vinay dan Darbelnet, 1995: 342; Idris, 2012: 14). Sebagai contoh, perkataan المطنفس (*al-muṭanfas*) dipinjamkan sebagai "mutanfas" dan diberi penerangan dalam glosari sebagai "jubah berwarna merah lembut yang dibuat daripada kain buatan Rom dan dipakai oleh Sultan Mali" (Ibn Battutah, 2003: 863). Frasa الروضة الكريمة (*al-Rawḍah al-karīmah*) pula dipinjamkan sebagai "Raudah al-Karimah" dan

disertakan penerangan dalam kurungan sebagai "taman yang mulia" (Ibn Battutah, 2003: 133). Penggunaan prosedur eksplisiti bersama dengan prosedur peminjaman seperti dalam dua contoh ini pastinya dapat membantu pembaca memahami maksud kata pinjaman tersebut.

Di samping itu, *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia* ini diterbitkan oleh sebuah organisasi yang bertanggungjawab mengenai perkembangan pengetahuan masyarakat tentang Islam di Malaysia, iaitu Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Oleh yang demikian, prosedur peminjaman yang diaplikasikan oleh penterjemah khususnya yang berkaitan dengan elemen keislaman ternyata menyokong hasrat murni ini. Melalui kaedah peminjaman dalam menghasilkan teks terjemahan, banyak perkataan-perkataan baru yang berkaitan dengan agama Islam diperkenalkan dalam bahasa Melayu seperti *mujawirin* yang berasal daripada perkataan bahasa Arab المجاورين (*al-mujāwirīn*) yang bermaksud "orang yang tinggal di masjid untuk tujuan belajar atau menyucikan diri khususnya di Makkah dan Madinah" (Ibn Battutah, 2003: 862), perkataan *ribat* yang berasal daripada perkataan الرباط (*al-ribāt*) yang bermaksud tempat berkumpul orang-orang sufi (Ibn Battutah, 2003: 864) dan perkataan *maqsurah* yang berasal daripada perkataan bahasa Arab المقصورة (*al-maqṣūrah*) yang antaranya merujuk (1) tempat imam mendirikan sembahyang, atau (2) bilik pemerintah mendirikan sembahyang (Ibn Battutah, 2003: 861). Situasi ini berkait rapat dengan konsep "naungan" (*patronage*) (Lefevre, 1992: 11–25) yang disebutkan sebelum ini.

Hal ini menunjukkan bahawa faktor sosiobudaya yang berkaitan dengan fungsi teks sumber dan teks sasaran ternyata turut menyumbang ke arah penggunaan prosedur peminjaman dalam terjemahan teks *Rihlat Ibn Battutah* kepada bahasa Melayu.

## KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan hasil kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor sosiobudaya yang mempengaruhi terjemahan beberapa elemen budaya teks *Rihlat Ibn Battutah* kepada bahasa Melayu. Berdasarkan kaedah "tinjauan dan penerangan" dan dibantu oleh kaedah temu bual, dapatan kajian merumuskan beberapa kebarangkalian faktor sosiobudaya yang terlibat dalam mempengaruhi penterjemah memilih peminjaman sebagai salah satu prosedur terjemahan yang dominan. Antara faktor tersebut ialah status bahasa sumber dalam budaya bahasa sasaran, polisi bahasa kebangsaan terhadap peminjaman, kemasyhuran teks sumber, latar belakang penterjemah serta fungsi teks sumber dan teks sasaran. Faktor-faktor ini secara tidak langsung mempengaruhi penterjemah untuk membuat keputusan memilih prosedur peminjaman. Hal ini kerana proses terjemahan tidak dapat lari daripada proses membuat keputusan oleh penterjemah (sila rujuk Levý, 2000). Dapatan kajian ini membuktikan

bahawa selain daripada faktor linguistik seperti ketiadaan padanan dalam bahasa sasaran atau padanan yang wujud kurang bersesuaian, faktor sosiobudaya juga memainkan peranan dalam pemilihan prosedur peminjaman.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1984. The development of the national language of Malaysia. *Philippine Journal of Linguistics* 14(2): 7–23.
- Badriyah Haji Salleh. 1984. *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914–1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bassnett, S. and A. Lefevere, eds. 1990. *Translation, history and culture*. London, New York: Cassell.
- Campbell, S. 1996. The distribution of *-at* and *-ah* endings in Malay loanwords from Arabic. *Bijdragen Tot De Taal-, Land- en Vokenkunde* 152(1): 23–44.
- Cronin, M. 1998. The cracked looking glass of servants: Translation and minority languages in a global age. *The Translator* 4(2): 145–162.
- Dunn, R. E. 1986. *The adventures of Ibn Battutah*. London and Sydney: Croom Helm.
- Gibová, K. 2012. *Translation procedures in the non-literary and literary text compared; based on an analysis of an EU institutional-legal text and novel excerpt "The Shack" by William P. Young*. Norderstedt: BOD GmbH. <http://www.pulib.sk/elpub2/FF/Gibova1/index.html/> (accessed 30 January 2015).
- Hall, E.T. 1990. *The silent language*. New York: Anchor Books.
- Haugen, E. 1950. The analysis of linguistic borrowing. *Language* 26(2): 210–231.
- Heah, C. L. H. 1989. *The influence of English on the lexical expansion of bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendershot, V. 1943. *First year of standard Malay*. California: Pacific Press Association.
- Hermans, T. 1999. *Translation in system: Descriptive and systematic approaches explained*. Manchester: St. Jerome.
- Hock, H. H. 1991. *Principles of historical linguistics*. Berlin & New York: Mouton de Gruyter.
- Ibn Battutah. 2003. *Pengembaraan Ibn Battutah, Pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia*. Trans. Syed Nurul Akla Syed Abdullah and Adi Setia Mohd. Dom. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- \_\_\_\_\_. 2002. *Rihlat Ibn Battūtah al-Musammāh Tuhfah al-Nuzzār fī Gharā'ib al-Amsār*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿilmiyyah.
- Ibrahimovich, I. N. 1999. *The travels of Ibn Battutah to Central Asia*. Reading: Garnet.
- Idris Mansor. 2012. "Acceptability" in the translation into Malay of Rihlat Ibn Battutah. *Asian Journal of Humanities* 19(2): 1–18.
- \_\_\_\_\_. 2011. Procedures and strategies in the translation into Malay of cultural elements of Rihlat Ibn Battutah. PhD diss., School of Languages and Cultures, University of Leeds.
- \_\_\_\_\_. 2002. Kata pinjaman bahasa Melayu daripada bahasa Arab (A–M): Kajian bandingan dari aspek penggunaan berdasarkan Kamus Dewan dan al-Muʿjam al-Wasit. Desertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Jakobson, R. 2004. On linguistic aspects of translation. In *The translation studies reader*, ed. L. Venuti, 138–143. New York & London: Routledge.
- Jones, R. 2007. *Loan-words in Indonesian and Malay*. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde (KITLV).
- Katan, D. 2004. *Translating cultures*. Manchester: St. Jerome.
- Kamus Dewan*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, K. K. 1980. Perkembangan pelajaran agama Islam. In *Pendidikan ke arah perpaduan: Sebuah perspektif sejarah*, ed. Awang Had Salleh, 1–36. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Lefevere, A. 1992. *Translation, rewriting and the manipulation of literary fame*. London and New York: Routledge.
- Levý, J. 2000. Translation as a decision process. In *The translation studies reader*, ed. L. Venuti, 148–159. New York & London: Routledge.
- Mohd. Taib Osman. 1974. *Asas dan pertumbuhan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Munday, J. 2006. Translation studies. *Year's Work in Critical and Cultural Theory* 14(1): 195–208.
- Newmark, P. 1988. *A textbook of translation*. Hemel Hempstead: Prentice Hall.
- Nord, C. 2001. *Translation as a purposeful activity-functional approaches*. Shanghai: Shanghai Foreign Education Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin dan Zaharani Ahmad. 2012. Perluasan makna alim: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online®. Journal of Language Studies* 12(2): 457–473.
- Pym, A., M. Shlesinger and Z. Jettmarova. 2006. *Sociocultural aspects of translating and interpreting*. Amsterdam: John Benjamins.
- Quah, C. K. 1999. Issues in the translation of English affixes into Malay. *Meta* 44(4): 604–616.
- Rosnani Hashim. 1996. *Education dualism in Malaysia: Implication for theory and practice*. Oxford, Singapore & New York: Oxford University Press.
- Snell-Hornby, M. 1990. Linguistic transcoding or cultural transfer? In *Translation, history and culture*, eds. S. Bassnett and A. Lefevere, 79–86. London & New York: Cassell.
- Tham, S. C. 1990. *A study of the evolution of the Malay Language: Social change and cognitive development*. Singapore: Singapore University Press.
- Thomason, S. G. and T. Kaufman. 1988. *Language contact, creolization, and genetic linguistics*. Berkeley, Los Angeles & London: University of California Press.
- Toury, G. 2004. Probabilistic explanations in translation studies. Welcome as they are, would they qualify as universals? In *Translation universals: Do they exist?*, eds. M. Anna and P. Kujamäki, 15–32. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Descriptive translation studies and beyond*. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Versteegh, K. 2001. Linguistic contacts between Arabic and other languages. *Arabica* 48(4): 470–508.

- Vinay, J. –P. and J. Darbelnet. 1995. *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins.
- Zeilani, A. dan Rokiah Awang. 2009. Translation procedures of English medical terms into Persian. In *The sustainability of the translation field*, eds. Hasuria Che Omar, Haslina Haroon and Aniswal Abd. Ghani, 347–361. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.